

Pameran Kempen Galakan Membaca

UB 30/03/2012 32

PAMERAN Kempen Galakan Membaca adalah program anjuran Unit perpustakaan dan Kelab Rakan Pustaka, Politeknik Kota Kinabalu, Sabah. Ia telah berlangsung selama 3 hari iaitu bermula dari 19 hingga 21 Mac 2012 yang lepas. Bagi Jakim Cawangan Sabah, ini adalah siri kedua pameran yang disertainya selepas Pameran sempena Maulidur Rasul 1433H anjuran Universiti Malaysia Sabah pada bulan Februari 2012 yang lalu.

Objektifnya sangat jelas iaitu memupuk semangat dan minat membaca dalam kalangan masyarakat. Pelbagai jenis buku dipamerkan dalam pameran kali ini.

Pameran kali ini telah disertai oleh hampir 50 agensi



BARISAN urusetia pameran Jakim Cawangan Sabah.

yang berbeza termasuk jabatan kerajaan, swasta, badan berkanun, persendirian, dan pelbagai bahagian dan unit di Politeknik sendiri.

Antaranya ialah Jakim, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Meteorologi Sabah, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan banyak lagi.

Selain pameran, pengunjung juga dapat menyertai kuiz mudah yang dianjurkan oleh kebanyakan agensi pameran seterusnya berpeluang memenangi hadiah menarik.


Keseluruhannya, hampir 6,000 orang pengunjung telah membanjiri lokasi pameran yang bertempat di Dewan

Rafflesia, Politeknik Kota Kinabalu. Secara spesifik, lebih 1,000 pengunjung telah melawat, bersoal jawab dan beramah mesra bersama

kakitangan Jakim Cawangan Sabah namun hanya 339 pengunjung yang mendaftarkan diri di buku daftar pelawat booth Jakim.



ANTARA pengunjung yang sangat tekun meneliti buku pameran di booth Jakim.



SESI penyampaian Sijil Penghargaan kepada peserta pameran.